

KERTAS 1

1. Pengurusan kewangan merupakan suatu proses melibatkan pengurusan wang daripada sumber pendapatan terhadap

- I Simpanan
 - II perbelanjaan
 - III perlindungan
 - IV pelaburan
-
- A I dan II
 - B I dan III
 - C I, II dan III
 - D Semua di atas

2. Susun proses pengurusan kewangan mengikut susunan yang betul.

- I Menilai kedudukan kewangan
 - II Menetapkan matlamat kewangan
 - III Mewujudkan pelan kewangan
 - IV Melaksanakan pelan kewangan
 - V Mengkaji semula dan menyemak kemajuan
-
- A I, II, III, IV, V
 - B I, III, II, IV, V
 - C II, I, III, IV, V
 - D I, IV, III, II, V

3. Apakah yang dimaksudkan dengan aliran tunai negatif?

- A Jumlah pendapatan melebihi daripada jumlah perbelanjaan
- B Jumlah pendapatan sama dengan jumlah perbelanjaan
- C Jumlah perbelanjaan kurang daripada jumlah pendapatan
- D Jumlah pendapatan kurang daripada jumlah perbelanjaan

4. Faktor yang manakah tidak mempengaruhi matlamat jangka masa Panjang?

- A Inflasi
- B Dasar kerajaan
- C Kesihatan diri
- D Pengaruh sekeliling

5. Antara berikut, yang manakah bukan merupakan pendapatan aktif?

- A Gaji
- B Elaun
- C Faedah
- D Komisen

6. Pernyataan yang berikut ialah suatu contoh amalan kepada pelan kewangan yang berkesan. Tentukan jika pernyataan diberi ini adalah BENAR atau PALSU.

Mengasingkan simpanan sebanyak 10% daripada jumlah pendapatan sebelum digunakan ke atas mana-mana perbelanjaan tetap dan perbelanjaan tidak tetap.

- A Palsu
- B Benar

7. Pernyataan berikut menentukan keberkesanan pelan kewangan seseorang individu. Pilih pernyataan yang BENAR.

- A Memberikan keutamaan kepada perbelanjaan tetap seperti ansuran bulanan untuk kereta, rumah dan bil kad kredit adalah penting.
- B Buat penilaian dan semakan kemajuan suatu pelan kewangan dari semasa ke semasa untuk memastikan aliran tunai adalah sentiasa positif.
- C Seseorang individu itu hendaklah mengasingkan peratusan tertentu untuk disimpan daripada jumlah pendapatan sebelum digunakan untuk perbelanjaan tetap dan tidak tetap.
- D Semua pernyataan di atas adalah benar.

8. William mahu membeli satu set televisyen yang berharga RM18 000 dalam masa 5 tahun. Dia mempunyai pendapatan bulanan sebanyak RM3 000 dan jumlah perbelanjaan tetap dan tidak tetapnya ialah RM2 800. Jika dia menggunakan lebihan pendapatannya untuk membeli set televisyen itu, hitung simpanan tambahan bulanan yang diperlukan untuk mencapai matlamat kewangannya.

- A RM300
- B RM360
- C RM100
- D RM125

9. Amanda bercadang untuk membeli peralatan membuat kuih yang berharga RM3 800 dalam masa 8 bulan. Jadual menunjukkan pelan kewangan Amanda. Berdasarkan maklumat yang diberi, tentukan cadangan yang paling kurang sesuai untuk Amanda.

Pelan Kewangan Amanda

Pendapatan dan Perbelanjaan	Pelan Kewangan (RM)	
Pendapatan bersih		
Gaji bersih	3 400	
Pendapatan pasif	0	
Jumlah pendapatan bulanan		3 400
Tolak simpanan tetap bulanan		
(10% daripada jumlah pendapatan bulanan)	0	
Tolak simpanan untuk tabung kecemasan	250	
Baki pendapatan		3 150
Tolak perbelanjaan tetap bulanan		
Ansuran pinjaman perumahan	1 100	
Ansuran pinjaman kereta	500	
Premium insurans kesihatan	150	
Jumlah perbelanjaan tetap bulanan		1 750
Tolak perbelanjaan tidak tetap bulanan		
Perbelanjaan makanan	800	
Perbelanjaan minyak petrol	200	
Bil telefon dan internet	250	
Jumlah perbelanjaan tidak tetap bulanan		1 200
Lebih pendapatan / Defisit		200

- A Mengurangkan sebanyak RM100 ke atas minyak petrol dengan berkongsi kereta.
 B Mengurangkan ansuran pinjaman perumahan.
 C Mengurangkan sebanyak RM100 ke atas bil telefon dan internet dengan menjimatkan penggunaannya.
 D Mengurangkan perbelanjaan makanan sebanyak RM275.
10. Encik Jeffrey bercadang untuk menyimpan RM120 000 dalam masa 7 tahun untuk dana pendidikan anak-anaknya. Antara berikut, situasi manakah yang mempengaruhi kebolehlaksanaan pelan kewangan jangka panjangnya secara negatif?
- A Encik Jeffrey perlu mengeluarkan sejumlah wang yang besar untuk membaiki kerosakan bumbung rumahnya.
 B Encik Jeffrey menerima pendapatan tambahan pasif melalui pelaburannya.
 C Encik Jeffrey menerima kenaikan pangkat dan ditawarkan kenaikan sebanyak 15% dalam gajinya.
 D. Encik Jeffrey kekal sihat dan mampu untuk terus bekerja.

11. Antara berikut, manakah paling tepat menghuraikan maksud inflasi?
- A Satu situasi di mana harga barangan berterusan meningkat dan menyebabkan kenaikan dalam kos sara hidup.
 - B Satu situasi di mana gaji seorang individu itu meningkat lantas membolehkan orang itu untuk membuat pembelian tanpa kesukaran.
 - C Satu situasi di mana gaji seseorang individu itu meningkat manakala jumlah perbelanjaannya menurun.
 - D Satu situasi di mana harga barangan berterusan menurun dan menyebabkan pengurangan kos sara hidup.
12. Cik Jasmine mahu membeli sebuah kereta dengan wang pendahuluan sebanyak RM36 000 dalam masa 6 tahun. Pilih tindakan yang tidak seharusnya dilakukan oleh Cik Jasmine bagi mencapai matlamat kewangannya.

Pelan Kewangan Cik Jasmine

Pendapatan Bersih	Pelan Kewangan (RM)
Gaji Cik Jasmine	4 200
Perbelanjaan	
Pinjaman perumbahan	1 100
Perbelanjaan pengangkutan	350
Bil utiliti	600
Elaun untuk ibu bapa	800
Perbelanjaan barangan dapur	1 000
Premium insurans	120
Jumlah perbelanjaan	3 970
Baki pendapatan Cik Jasmine	230

- A Cik Jasmine hendaklah mengurangkan 20% daripada perbelanjaan barangan dapur dengan berbelanja lebih cermat ke atas barang-barang keperluan sahaja.
- B Cik Jasmine hendaklah mengurangkan 10% daripada perbelanjaan pengangkutannya dengan berkongsi kereta dengan rakan-rakannya ke tempat kerja.
- C Cik Jasmine hendaklah berhenti daripada membayar premium insuransnya.
- D Cik Jasmine hendaklah mengurangkan 15% daripada bil utilitinya dengan berjimat menggunakan elektrik dan air di rumah.

13. Pelan Kewangan Encik Chong

Pendapatan dan Perbelanjaan	Pelan Kewangan (RM)	
Pendapatan bersih		
Gaji bersih	5 700	
Pendapatan pasif (sewa bulanan)	1 200	
Jumlah pendapatan bulanan		6 900
Tolak simpanan tetap bulanan (10% daripada jumlah pendapatan bulanan)	690	
Tolak simpanan untuk tabung kecemasan	200	
Baki pendapatan		6 010
Tolak perbelanjaan tetap bulanan		
Ansuran pinjaman perumahan	1 080	
Ansuran pinjaman kereta	560	
Premium insurans kesihatan	150	
Jumlah perbelanjaan tetap bulanan		1 790
Tolak perbelanjaan tidak tetap bulanan		
Perbelanjaan barangan dapur	1 300	
Perbelanjaan minyak petrol	480	
Perbelanjaan utiliti rumah	1 000	
Keahlian gimnasium	140	
Perbelanjaan untuk melancong	1 000	
Bil telefon dan internet	300	
Jumlah perbelanjaan tidak tetap bulanan		4 220
Lebih pendapatan / Defisit		0

Encik Chong merancang untuk menubuhkan perniagaannya dalam masa 8 tahun dengan simpanan sebanyak RM120 000. Jadual menunjukkan pelan kewangan semasanya. Antara berikut, manakah bukan faktor yang boleh mempengaruhi pelan kewangan jangka panjang Encik Chong?

- A Kadar faedah dalam pelaburan Encik Chong.
- B Kesihatan sendiri Encik Chong.
- C Kadar inflasi semasa.
- D Jantina Encik Chong.

14. Emma dan Daniel merancang untuk membeli sebuah rumah dua tingkat berharga RM540 000 dengan wang pendahuluan sebanyak RM54 000 dalam masa 6 tahun. Jumlah pendapatan mereka ialah RM6 700 dan mereka membelanjakan RM5 800 ke atas perbelanjaan tetap dan tidak tetap.

Berapa banyakkah yang mereka perlu simpan setiap bulan untuk mencapai matlamat kewangan mereka?

- A RM9 000
- B RM750
- C RM483.33
- D RM558.33

15. Encik Ahmad bercadang untuk membawa keluarganya pergi melawat Eropah dalam masa 5 tahun. Kos perjalanan untuk seluruh ahli keluarganya ialah RM42 000. Jadual menunjukkan pelan kewangan semasa Encik Ahmad.

Pendapatan dan Perbelanjaan	Pelan Kewangan (RM)	
Pendapatan bersih		
Gaji bersih	4 200	
Pendapatan pasif (sewa bulanan)	1 800	
Jumlah pendapatan bulanan		6 000
Tolak simpanan tetap bulanan (10% daripada jumlah pendapatan bulanan)	600	
Tolak simpanan untuk tabung kecemasan	200	
Baki pendapatan		5 200
Tolak perbelanjaan tetap bulanan		
Ansuran pinjaman perumahan	1 900	
Ansuran pinjaman kereta	550	
Premium insurans kesihatan	500	
Jumlah perbelanjaan tetap bulanan		2 950
Tolak perbelanjaan tidak tetap bulanan		
Bil utiliti	700	
Perbelanjaan minyak petrol	300	
Perbelanjaan barangan dapur	850	
Simpanan pelancongan	400	
Jumlah perbelanjaan tidak tetap bulanan		2 250
Lebih pendapatan / Defisit		0

Berdasarkan pelan kewangan semasa Encik Ahmad, tentukan jumlah simpanan tambahan diperlukan untuk mencapai matlamat kewangannya.

- A RM100
- B RM700
- C RM600
- D RM1 680